

Sekuriti makanan tumpuan Malaysia-Singapura

KUALA LUMPUR: Malaysia melihat bidang keterjaminan makanan sebagai potensi yang boleh diteroka bersama Singapura untuk dimanfaatkan oleh rakyat di kedua-dua negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, beliau yakin akan mendapat sokongan Singapura untuk menggunakan Malaysia sebagai pusat utama untuk pengeluaran.

Katanya, beliau memandang ke hadapan untuk bekerjasama dengan negara jiran itu menyelesaikan isu sekuriti makanan serta hal-hal yang menjadi tumpuan kedua-dua negara.

"Pada pandangan saya, sektor keterjaminan makanan ini Malaysia akan disokong oleh Singapura untuk menjadi pusat utama pengeluaran bagi manfaat kedua-dua negara.

"Pentadbiran saya masih baharu namun saya dan barisan Kabinet mempunyai visi jelas bahawa bukan sahaja kita berhasrat meneruskan hubungan dua negara ini malah kita mahu rakyat kedua-dua negara faham bahawa kita adalah dua negara hebat, jiran hebat dan mampu melaksana banyak lagi untuk manfaat rakyat," katanya berucap dalam majlis makan tengah hari bersama



ANWAR Ibrahim diiringi Lee Hsien Loong memeriksa barisan kawalan kehormat setibanya di Istana Presiden Singapura. semalam. - AFP

rakan sejawatnya Lee Hsien Loong, semalam.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, terpulang kepada pemimpin Singapura untuk meneruskan dan melangkah maju bukan sahaja dalam perdagangan, pelaburan dan keselamatan siber tetapi juga menyelesaikan isu tertunggak.

Anwar yang dalam lawatan rasmi ke republik itu semalam

disambut Menteri Luar Singapura, Dr. Vivian Balakrishnan.

Terdahulu, kedua-dua pemimpin menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) kerjasama dalam bidang baharu terutama berkaitan ekonomi digital dan hijau serta keselamatan siber.

Sementara itu, Hsien Loong memaklumkan perbincangan-

nya dengan Anwar mengenai beberapa isu memberikan hasil positif kerana kedua-dua negara memberi tumpuan untuk maju dalam beberapa perkara.

"Sebagai jiran yang baik, hala tuju Singapura dan Malaysia saling berkaitan. Apabila kita bekerjasama secara konstruktif, kita akan dapat hasil kebaikan berlipat ganda kepada rakyat dan negara," katanya.